



# Cambridge IGCSE™

---

**MALAY**

**0546/12**

Paper 1 Listening

**May/June 2023**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

**E** Cambridge Assessment International Education, June 2023 examination in Malay. Paper 1, Listening, for Cambridge IGCSE.

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A, B, C** atau **D**.

**M1** Aina dan Azam pergi ke taman tema.

*(Pause 3 seconds.)*

**M1 Soalan 1**

**M1** Di pintu masuk, Aina berkata:

**F1** \* Tiket berharga RM10.00

**M1** Berapakah harga tiket? \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 2**

**M1** Azam lapar. Aina berkata:

**F1** \* Kita makan di gerai ayam goreng.

**M1** Mereka makan apa? \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 3**

**M1** Aina berkata:

**F1** \* Saya mahu bergambar dengan angkasawan itu.

**M1** Aina mahu mengambil gambar dengan ... \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 4**

**M1** Azam mahu membeli hadiah. Aina berkata:

**F1** \* Gerai cenderamata di sebelah gerai buah.

**M1** Gerai cenderamata di sebelah... \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 5**

**M1** Aina menembak jatuh tujuh biji kelapa. Dia berkata:

**F1** \* Saya dapat sebiji bola sebagai hadiah.

**M1** Hadiah apakah yang Aina dapat? \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 6**

**M1** Mereka dengar pengumuman. Aina berkata:

**F1** \* Azam, taman tema akan tutup pada pukul enam petang.

**M1** Bilakah taman tema akan tutup? \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 7**

**M1** Sebelum pulang, Aina berkata:

**F1** \* Saya mesti beli minuman panas.

**M1** Apakah yang Aina mesti beli? \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan 8**

**M1** Semasa menaiki bas untuk pulang, Aina berkata:

**F1** \* Saya mahu turun di depan kedai buku.

**M1** Aina mahu turun di depan... \*\*

*(Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.)*

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman di perhimpunan sekolah. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

*(Pause 30 seconds.)*

**F1** \* Selamat pagi. Minggu depan, kamu semua akan melawat beberapa tempat bermula dengan Pasar Seni.

**F1** Dalam lawatan dua hari ini, kita akan naik koc untuk 30 orang pelajar dan tiga orang guru. Kita akan bermalam di sebuah hotel. Bawa snek untuk makan bila kamu lapar. Makanan utama disediakan setiap hari.

**F1** Bayaran untuk makanan ini sudah termasuk dalam kos lawatan ini. Di Pasar Seni, kamu boleh membeli hasil kraftangan seperti dompet batik atau beg anyaman. Kamu mesti berhati-hati menyimpan wang sendiri.

*(Pause 5 seconds.)*

**F1** Menurut ramalan cuaca, hujan lebat semasa lawatan ke muzium. Kamu perlu membawa payung atau baju hujan untuk berjalan dari koc ke muzium.

**F1** Pada waktu malam, kita akan pergi ke teater untuk menonton Bawang Putih Bawang Merah. Saya pasti kamu tahu cerita ini dan akan menikmatinya.

**F1** Akhir sekali, jangan lupa membawa telefon untuk merakamkan lawatan-lawatan menarik ini supaya kamu semua boleh berkongsi dengan ibu bapa dan kawan-kawan lain. Gambar atau video penting untuk kamu apabila membuat laporan mengenai lawatan ini. \*\*

*(Pause 10 seconds.)*

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

*(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)*

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

**M1** Anda akan mendengar dialog antara Priya dan Azlan tentang tempat makan kegemaran mereka.

**M1** Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

**M1** Padankan nama tempat dengan kenyataan yang betul **A, B, C, D, E** atau **F**. Bagi setiap tempat, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

**M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

*(Pause 30 seconds.)*

**M1** \* Hai Priya. Saya teringin hendak bawa keluarga saya untuk makan pada hari jadi adik saya minggu depan.

**F1** Oh, semalam saya pergi dengan kakak saya ke sebuah restoran makanan Itali yang baharu dan besar, Pizza Ria. Tetapi saya fikir terlalu ramai orang dan suasananya agak sibuk. Kami menunggu lama juga untuk mendapat layanan. Saya fikir harga agak berpatutan.

**M1** Restoran mana lagi yang awak boleh sarankan untuk keluarga besar?

**F1** Awak boleh cuba Pizza Joe. Saya dapati perkhidmatannya bagus, pekerjaanya mesra dan pizzanya sangat sedap. Saya selalu pergi ke situ juga sebab saya dapati harganya lebih murah. Ada kawasan makan yang besar di luar.

**M1** Bagus juga cadangan itu.

**F1** Kalau awak mahu pergi dengan keluarga dan mahu cuba makanan lain selain daripada pizza, saya fikir Maria Deli sangat sesuai. Di situ, awak boleh mencuba pelbagai pilihan makanan barat dan juga timur, tetapi harganya mahal juga.

**M1** Adakah ianya seperti Selera Antarabangsa di Jalan Taman?

**F1** Oh, saya tidak pernah makan di Selera Antarabangsa. Saya dengar di situ ada pelbagai macam hidangan dari seluruh dunia dan semasa makan ada hiburan juga.

**M1** Bagaimana dengan restoran makanan tempatan?

**F1** Ada banyak restoran tempatan yang terkenal. Awak boleh cuba Warung Mak Esah. Tempatnya di tengah-tengah sawah. Makanan tempatan asli di persekitaran yang menenangkan dan sungguh luar biasa. Tapi jangan lupa tempah untuk dapatkan pondok cukup besar untuk keluarga awak. Jangan lupa untuk bergambar!\*\*

*(Pause 10 seconds.)*

**M1** Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

*(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)*

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar satu temubual dengan Alena, seorang pelakon. Temubual ini terdapat dalam dua bahagian.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

*(Pause 30 seconds.)*

**M1** \* Helo Alena.

**F1** Helo.

**M1** Gambar Alena kini terpampang di serata muka surat media digital dan media cetak. Bagaimanakah Alena bermula dalam bidang lakonan?

**F1** Kalau anda ingat, saya mula muncul di kaca television dalam iklan semasa saya berumur lapan tahun. Saya ingat lagi, saya dibawa ke studio oleh ibu saya untuk iklan permainan. Saya buat iklan sehinggalah saya berumur 15 tahun dan mendapat tawaran untuk berlakon dalam drama television.

**M1** Wah, sudah lama juga! Adakah sesiapa yang melatih Alena berdepan kamera?

**F1** Sebenarnya, saya bukan pemalu dan sentiasa ingin belajar. Asalkan ibu saya ada bersama, saya ada keyakinan diri untuk membuat apa sahaja yang diminta oleh pengarah, jurukamera atau pelakon lain.

**M1** Alena boleh ingat peranan Alena yang pertama sekali?

**F1** Saya berlakon sebagai anak seorang jutawan; remaja yang ibu bapanya sentiasa sibuk bekerja, pelajar angkuh yang mempunyai guru yang garang.

**M1** Jalan cerita apakah yang Alena gemari?

**F1** Saya suka cerita tentang sejarah negara kita. Banyak yang boleh menjadi pengajaran bagi golongan muda.

**M1** Bagaimanakah Alena membahagikan masa untuk berlakon dan bersekolah?

**F1** Semasa di sekolah saya mesti lupakan kerja lain dan tumpukan sepenuh masa untuk belajar. Saya langsung tidak fikir tentang skrip.\*\*

*(Pause 15 seconds.)*

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)*

**M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual dengan Alena sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

*(Pause 30 seconds.)*

**M1** \*\*\* Apakah menjadi selebriti banyak mengubah hidup Alena?

**F1** Tentu sekali. Pendapatan saya tinggi sekarang dan ini bagus tetapi selebriti tidak ada privasi. Yang paling saya suka, saya sering mendapat jemputan ke majlis.

**M1** Adakah orang menulis sesuatu mengenai Alena yang mengganggu perasaan Alena?

**F1** Di media sosial semua orang ada pendapat. Saya menasihati pelakon-pelakon muda supaya jangan membaca apa yang ditulis dalam media sosial dan jangan menjawab komen.

**M1** Mahukah Alena berlakon dengan syarikat antarabangsa?

**F1** Oh, itu bergantung ke atas watak dan apa yang saya mesti buat. Saya tidak akan terima begitu sahaja semata-mata kerana inginkan nama saya melonjak naik di luar negara. Mereka mesti setuju dengan syarat-syarat saya juga.

**M1** Rancangan masa depan Alena?

**F1** Ramai pelakon bercita-cita untuk menjadi pengarah atau memiliki syarikat produksi mereka sendiri. Saya ingin belajar lagi mengenai bidang lakonan dan kemudian mengajar dan membuka akademi saya sendiri.

**M1** Terima kasih, Alena \*\*\*\*

*(Pause 15 seconds.)*

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.)*

**M1 Soalan-soalan 29 hingga 34**

**M1** Anda akan mendengar perbualan antara Faiz dan Tara tentang program pertukaran belia. Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa perbualan.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

*(Pause 1 minute)*

**F1** \* Hai Faiz. Sudah lama kita tidak berbual. Kamu sudah dapat jawapan tentang program pertukaran belia?

**M1** Ya, saya sudah terima e-mel mereka dan sungguh tak sabar dan teruja untuk menyertai program ini tahun depan. Sudah tentunya ia satu pengalaman yang mencabar tetapi saya tidak risau walaupun saya tidak pernah menjejakkan kaki di negara orang. Saya harap kamu pun dapat menikmati pengalaman yang sama. Kamu sudah dapat jawapan?

**F1** Belum lagi. Saya ingin tahu apa kandungan surat tawaran kamu?

**M1** Ada dua pilihan; iaitu antara negara Jepun dan negara Indonesia. Saya lebih tertarik untuk pergi ke Jepun sebab ada banyak perbezaan daripada pelbagai aspek, seperti budaya dan makanan. Indonesia ialah negara jiran dan sudah tentu lebih banyak persamaan daripada perbezaan.

**F1** Saya pun rasa begitu. Kamu sudah membuat persediaan?

**M1** Ya. Saya sudah mula membaca dan menonton dokumentari mengenai manusia dan budaya mereka. Sungguh menarik! Saya memang berminat dengan topik ini. Saya bercita-cita untuk mengikuti kursus antropologi atau sosiologi bila saya masuk universiti nanti. Saya sudah berfikir panjang dan membuat kesimpulan bahawa ini peluang yang baik bagi saya untuk dijadikan persediaan pengajian saya.

*(Pause 15 seconds.)*

**F1** Apakah pendapat ibu bapa kamu tentang program ini?

**M1** Mereka membiarkan saya membuat keputusan sendiri. Mereka fikir program pertukaran belia akan memberi manfaat kepada saya dan juga membuka minda saya. Asalkan saya boleh menjaga diri dan menyesuaikan diri dalam masyarakat yang asing dalam semua segi, mereka membenarkan saya pergi ke mana-mana sahaja.

**F1** Program ini dijangka akan berlangsung semasa musim sejuk di negara Jepun.



**M1** Ya, betul. Ini satu lagi aspek yang harus dipertimbangkan. Sepupu saya baru pulang dari pengajiannya di Sweden. Dia ada banyak pakaian tebal. Jadi, saya tidak perlu beli apa-apa yang baharu untuk pergi selama enam bulan sahaja. Dia akan pinjamkan kepada saya kot, jaket, kasut but dan baju sejuk. Memang saya bernasib baik. Boleh jimatkan wang!

**F1** Saya harap saya juga akan mendapat pilihan yang sama seperti Faiz.

**M1** Bagus! Mari kita pergi ke perpustakaan sebab saya mahu pinjam buku Bahasa Jepun. Kemudian, kita pergi ke pejabat pelancongan Jepun untuk mengambil risalah-risalah mengenai tempat-tempat yang indah di sana. Saya mahu lengkapkan diri saya dengan pengetahuan sebelum saya pergi. Walaubagaimanapun, saya sudah biasa makan makanan Jepun. Sungguh lazat!

**F1** Ya, betul! Terima kasih kerana berkongsi maklumat dengan saya, Faiz. \*\*

*(Pause 15 seconds.)*

**M1** Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua.

*(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)*

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar temubual dengan Rita seorang pereka fesyen. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa temubual ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A, B, C, D** atau **E**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

*(Pause 45 seconds.)*

**M1** \* Rita, boleh ceritakan lebih lanjut tentang kerjaya dalam bidang fesyen ini?

**F1** Saya ada butik sendiri dengan koleksi yang dipakai bukan sahaja oleh selebriti tetapi juga anggota diraja di dalam dan dari luar negara. Tetapi perjalanannya bukanlah mudah.

**M1** Teruskan.

**F1** Pada mulanya saya bekerja sebagai penolong kepada seorang tukang jahit di kampung saya. Dialah yang menyuruh saya ikuti kursus ini di bandar dan dia membayar yurannya.

**M1** Anda sungguh bertuah!

**F1** Betul. Dia tahu minat saya dan nampak bakat yang ada pada saya. Tetapi yang menghalang ialah ibu saya sendiri yang tidak mahu saya keluar ke bandar.

**M1** Sungguh sukar!

**F1** Ya, ibu sudah tua dan saya tidak pernah jauh dari dia. Saya di persimpangan jalan.

*(Pause 20 seconds.)*

**M1** Jadi bagaimana Rita membuat keputusan?

**F1** Saya bertekad untuk meneruskan juga dengan harapan kejayaan saya nanti akan mengubah hidup kami. Adik saya pulang untuk tinggal bersama ibu ketika saya belajar di bandar selama dua tahun.

**M1** Dan...

**F1** Akhirnya, ibu melepaskan saya pergi dengan iringan doanya. Dengan restu daripadanya, seolah-olah semuanya dipermudahkan.

**M1** Apakah yang Rita buat selepas mendapat kelayakan sebagai pereka fesyen?

**F1** Saya pulang bekerja dengan majikan pertama saya dan pada masa yang sama boleh menjaga ibu.

**M1** Rita tidak lupa orang yang berbudi kepada Rita!

**F1** Tentu sekali tidak. Kami berusaha untuk mewujudkan jenama rekaan saya. Kami dapatkan pengusaha yang boleh mengeluarkan koleksi kami secara besar-besaran pada harga yang murah.

*(Pause 20 seconds.)*

**M1** Bagaimanakah Rita sampai ke pentas fesyen antarabangsa?

**F1** Apabila seorang selebriti memakai pakaian rekaan saya, yang lain juga akan ikut. Kemudian saya diminta sertai Pertunjukan Fesyen Antarabangsa di London dan Paris dan terus mendapat perhatian media antarabangsa.

**M1** Apakah daya tarikan koleksi Rita kepada media antarabangsa?

**F1** Sudah tentunya batik dan songket Malaysia. Bagi mereka, corak batik dan sulaman songket sangat unik dan boleh dipakai ke majlis ataupun buat pakaian harian.

**M1** Apakah yang mengilhamkan Rita semasa mereka fesyen?

**F1** Bagi saya tidak ada apa yang lebih menarik daripada nilai-nilai ketimuran yang mengutamakan kesederhanaan sambil menonjolkan sifat-sifat keayuan seseorang wanita. Rekaan saya boleh dipakai oleh semua golongan umur, untuk pelbagai majlis.

**M1** Terima kasih, Rita \*\*

*(Pause 45 seconds.)*

**M1** Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua

*(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)*

**M1** Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

*(Pause 6 minutes.)*

**M1** Ujian tamat.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.